

SOALAN NO: 52

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI  
IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

**TARIKH : 12 MAC 2018 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah tindakan ke atas kontraktor yang gagal mematuhi syarat untuk melaksanakan kajian kebolehlaksanaan dan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) terutamanya dalam isu projek pembinaan terowong dasar laut di Pulau Pinang.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendapati cadangan Projek Pembinaan Terowong Dasar Laut adalah tertakluk di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeiling (AKAS),1974 iaitu mengemukakan dan mendapat kelulusan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) sebelum sebarang aktiviti boleh dilaksanakan di tapak. Sehingga kini, JAS belum menerima laporan EIA tersebut dan didapati tiada aktiviti dijalankan di kawasan tapak. JAS boleh mengambil tindakan perundangan jika pihak pemaju telah memulakan aktiviti di tapak tanpa mendapat kelulusan laporan EIA selaras dengan peruntukan Seksyen 34A(8), AKAS 1974.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN : 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL AZEEZ B. ABDUL  
RAHIM (BALING)**

**TARIKH : 12 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10560**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [ Baling ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian bagi memastikan bekas-bekas penagih dadah daripada terjebak ke dalam kancang jenayah selepas keluar daripada Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC) terutamanya bagi bekas penagih dari kawasan luar bandar.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaksanakan program rawatan dan pemulihan dadah di dalam institusi menerusi Klinik Cure & Care 1Malaysia (Klinik C & C), *Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC)* dan *Cure & Care Vocational Centre (CCVC)*. Klien perlu menjalani program rawatan dan pemulihan dadah yang diatur semasa berada di dalam institusi dan meneruskan proses kepulihan dalam komuniti. Untuk membolehkan klien mengekalkan kepulihan dan mengamalkan gaya hidup yang berkualiti, penjagaan berterusan penting untuk menangani masalah penagihan semula (*relapse prevention*) di kalangan klien.

AADK telah menyediakan perkhidmatan rawatan dan pemulihan di dalam komuniti di Pejabat AADK Daerah dan Pusat Integrasi Klien (PIK) serta melaksanakan latihan kerjaya dan peluang penempatan pekerjaan yang bersesuaian.

AADK dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan di CCRC Karangan telah menganugerahkan sijil kemahiran dari Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) dalam bidang pemasangan dan penyelenggaraan penghawa dingin, penyelenggaraan penghawa dingin kenderaan dan kimpalan (*grille*) kepada 45 orang klien telah menamatkan latihan pada Ogos 2017.

**AADK juga mengadakan Program eUsahawan Bersama Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. (MDEC) di mana kedua-dua pihak bekerjasama mempromosikan eUsahawan dan perkhidmatan yang relevan kepada bekas penagih dadah.**

**Peranan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM), Persatuan Pengasih Malaysia, Jawatankuasa Pemulihan Dadah (JKPD) dan pemimpin-pemimpin komuniti adalah penting dalam membantu bekas penagih dadah menyesuaikan diri dalam masyarakat.**

139  
SOALAN : 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN P. KASTHURIRAANI (BATU KAWAN)**

**TARIKH : 12 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10711**

**SOALAN :**

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan serta langkah-langkah Kerajaan Malaysia untuk menangani radikalasi golongan ekstremisme serta usaha untuk meningkatkan kedudukan dari Tier 2 dalam laporan Suruhanjaya Amerika Syarikat bagi Kebebasan Agama kepada Tier 1.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Bagi menangani aktiviti yang berunsur radikal dan ekstrem, Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memantau aktiviti kumpulan tertentu dan bersedia mengambil tindakan bagi membendung kumpulan pelampau daripada merosakkan keharmonian antara kaum dan agama di negara ini.**

**PDRM sentiasa berusaha gigih bagi menyekat pengaruh dan ideologi ekstremisme dan radikal daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat di negara ini melalui operasi yang dilancarkan dari semasa ke semasa khususnya elemen Daesh.**

**PDRM juga bekerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri, Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia (SKMM) serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bagi memastikan keharmonian agama, keluhuran perlembagaan dan kedaulatan negara dapat dipertahankan.**

**Kerajaan juga menujuhkan Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global (GMMF) untuk memupuk dan mempromosikan imej kesederhanaan, toleransi dan diplomasi antara rakyat di negara ini agar keamanan dan perpaduan terus bertahan dan dapat dipertingkatkan. Selain itu, penubuhan Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) turut menyumbang ke arah pendekatan kesederhanaan di kalangan masyarakat melalui**

program-program penerangan, seminar, percambahan fikiran dan penyelidikan.

**Laporan Suruhanjaya Amerika Syarikat bagi Kebebasan Agama telah disediakan berdasarkan kepada pemerhatian oleh pihak Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur. Dalam hal ini, Kementerian berpandangan bahawa laporan tersebut tidak menggambarkan situasi sebenar mengenai kebebasan beragama di negara ini yang kononnya dihadkan oleh pihak berkuasa. Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan secara jelas telah menyatakan bahawa setiap orang adalah bebas menganuti dan mengamalkan agamanya. Sebagai bukti, Kerajaan telah memberikan cuti umum kepada semua perayaan keagamaan dan ia disambut secara meriah di seluruh negara. Selain itu, rumah-rumah ibadat bagi semua agama juga boleh dibina di negara ini.**